

PENDIDIKAN ERA REVOLUSI INDUSTRI 4.0: CABARAN FALSAFAH PENGAJIAN TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(EDUCATION IN THE ERA OF THE FOURTH INDUSTRIAL REVOLUTION: CHALLENGES TO BRUNEI
DARUSSALAM'S NATIONAL HIGHER EDUCATION PHILOSOPHY)

ABAS, I.

*Fakulti Pendidikan & Sains Kemasyarakatan, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri
Begawan, Bandar Seri Begawan, Brunei.
e-mail: ismail.abas[at]kupu-sb.edu.bn*

(Received 10th September 2025; revised 25th November 2025; accepted 02nd December 2025)

Abstrak. Revolusi Industri 4.0 membawa kemajuan teknologi yang pesat, terutama dalam bidang pendidikan, dengan penggunaan peranti digital yang merombak hampir setiap aspek kehidupan manusia. Teknologi ini menggabungkan Internet of Things, Big Data, media sosial, Cloud Computing, dan sensor, dengan tumpuan pada kecerdasan buatan, robotik, dron, percetakan 3D, bioteknologi, dan pengkomputeran kuantum. Ini mempengaruhi sistem pendidikan secara global dan mencipta perubahan yang tidak dapat dielakkan. Namun, Revolusi Industri 4.0 juga menghadirkan cabaran terhadap Falsafah Pengajian Tinggi Negara Brunei Darussalam, terutama dalam aspek jasmani, emosi, rohani, intelek, dan sosial, kerana teknologi berkembang dengan cepat dan tidak dapat dikawal sepenuhnya. Oleh itu, pendekatan mujahadah an-Nafs, yang diterangkan oleh Imam al-Ghazali, perlu diterapkan untuk melawan pengaruh negatif teknologi dan mempertahankan jiwa generasi masa depan. Mujahadah al-Nafs adalah usaha yang teratur untuk melawan hawa nafsu dan menghapuskan sifat-sifat mazmumah agar hati dilimpahi dengan cahaya ilmu. Peranan institusi keluarga sangat penting dalam memberikan bimbingan agama kepada anak-anak untuk mengukuhkan jiwa mereka. Pendidikan awal di rumah oleh ibu bapa dan pendidikan formal di sekolah oleh guru-guru adalah gabungan yang efektif untuk membentuk generasi Melayu Islam Beraja (MIB) yang taat kepada Agama, Raja, dan Negara Brunei Darussalam. Dengan penguatan ilmu kerohanian, pelajar dapat memperkukuh jati diri dan mengelakkan diri daripada dipengaruhi oleh kemajuan teknologi.

Katakunci: *teknologi, internet, komputer, industri 4.0, mujahadah al-nafs*

Abstract. The Fourth Industrial Revolution brings rapid technological advancements, especially in education, with the use of digital devices revolutionizing almost every aspect of human life. This technology combines the Internet of Things, Big Data, social media, Cloud Computing, and sensors, with a focus on artificial intelligence, robotics, drones, 3D printing, biotechnology, and quantum computing. It influences global education systems, creating inevitable changes. However, the Fourth Industrial Revolution also presents challenges to the Philosophy of Higher Education in Brunei Darussalam, particularly in the physical, emotional, spiritual, intellectual, and social aspects, as technology advances rapidly and cannot be fully controlled. Therefore, the approach of mujahadah an-Nafs, as explained by Imam al-Ghazali, needs to be applied to counter the negative influences of technology and protect the future generation's soul. Mujahadah al-Nafs is a structured effort to fight desires and eliminate negative traits to fill the heart with the light of knowledge. The role of the family institution is crucial in providing religious guidance to children to strengthen their souls. Early education at home by parents and formal education at school by teachers are effective combinations to form the Malay Islamic Monarchy (MIB) generation that is loyal to religion, the Sultan, and the country of Brunei Darussalam. With strengthened spiritual knowledge, students can fortify their identity and avoid being influenced by technological advancements.

Keywords: *technology, internet, philosophy, industry 4.0, mujahadah al-nafs*

Pengenalan

Allah telah menciptakan manusia sebagai insan yang paling sempurna dan bermartabat tinggi kerana akalinya sehingga malaikat diperintah untuk sujud kepadanya (surah al-Baqarah: 30:31). Insan dalam al-Quran adalah terdiri daripada jasad (jasmani), intelek (akal atau minda), ruh, emosi (perasaan) dan Qalb (mata hati). Sehubungan itu Falsafah Pendidikan Negara Brunei Darussalam bertujuan untuk memperkembangkan potensi individu yang merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan social bagi mengupayakan pelajar ke arah melahirkan insan yang beridentiti Melayu Islam Beraja. Namun begitu, perkembangan potensi individu yang dipandu oleh Falsafah Pendidikan dan Falsafah Pengajian Tinggi Negara Brunei Darussalam berdepan dengan cabaran kemunculan era Revolusi Industri 4.0 (RI 4.0) yang berlaku dengan pantas dan tanpa disedari yang akan melahirkan masyarakat yang sukar dijangka. RI 4.0 merangkumi penggunaan teknologi yang menggabungkan Internet of Things, Big Data, media social, Cloud Computing dan sensor yang sangat meluas. Tumpuannya seperti kecerdasan buatan robotic; dron menabur benih, percetakan 3D, bioteknologi, sains bahan, penyimpanan tenaga dan pengkomputeran kuantum. Nama-nama asing ini secara tiba-tiba muncul dan dikatakan mampu mempengaruhi kehidupan manusia melalui fasa disruptif dan juga akan mempengaruhi sistem Pendidikan secara global dalam jangka masa yang singkat (Schwab, 2017; Nordin dan Embi, 2008).

Falsafah Pendidikan Negara Brunei Darussalam adalah usaha berterusan bersumberkan ilmu naqli dan `aqli ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh bagi melahirkan insan yang berilmu, beriman, beramal, berkepandaian, bertaqwa, amanah, bertanggung jawab serta berakhlak mulia. Segala usaha ini akan mewujudkan masyarakat berilmu dan berwawasan yang akan menyumbang kepada keamanan dan kemakmuran keluarga, masyarakat, negara dan sejagat serta menimbulkan suatu identiti kebangsaan berdasarkan falsafah negara iaitu Melayu Islam Beraja menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah sebagai tapak pertumbuhan dan pengukuhan ketaatan kepada Agama, Raja dan Negara Brunei Darussalam.

Falsafah Pendidikan Negara Brunei Darussalam

Pengaruh teknologi terhadap jasmani

Kini, pembelajaran dalam talian telah dilaksanakan secara berperingkat, terutamanya dalam Pendidikan tinggi. Era RI 4.0 telah memperluas kaedah penyampaian pengajaran yang bukan semata-mata menggunakan pelantar dalam talian, malahan turut melaksanakan penerapan pembelajaran kaedah simulasi dalam talian, simulasi maya dan pelbagai kaedah interaktif berasaskan teknologi digital dalam penyampaian pengajaran pada peringkat pengajian tinggi. Kaedah-kaedah ini memperluas akses pelajar kepada pendidikan global dan dikatakan mampu untuk meningkatkan dan menyokong pembelajaran pada peringkat tersebut dan menyumbang kepada bergantungannya pelajar terhadap teknologi digital secara melampau. Pengaruh teknologi yang tidak terkawal mampu mempengaruhi jasmani pelajar, dan kelemahan dari segi jasmani akan mempengaruhi psikologi pelajar. Hasil-hasil kajian lepas bersetuju bahawa ketagihan internet mahupun permainan dalam talian memberi kesan dari pelbagai dimensi kesihatan, termasuklah masalah fizikal dan menurunkan fungsi social seseorang individu. Kajian yang dilakukan oleh Sinnappan (1999) mendapati

terdapat golongan yang sanggup meninggalkan aktiviti rekreasi dan tanggungjawab peribadi demi melayari internet.

Situasi ini dimeriahkan lagi dengan kecenderungan Ibu bapa, lebih memilih membeli anak-anak mereka gadget yang canggih dan boleh akses internet. Bagi Ibubapa ini , lebih baik anak-anak tertumpu dengan gadget dan berada di rumah daripada bermain ke luar rumah tanpa pengawasan mereka. Internet adalah perkara yang penting diterokai dalam kehidupan pelajar. Kajian dahulu mendapati bahawa masalah obesiti berlaku kepada kanak-kanak yang dibenarkan menggunakan gadget di dalam bilik tidur dan gejala itu terjadi ketika menggunakan akibat kurangnya aktiviti fizikal dan kardio yang dilakukan oleh mereka ketika menggunakan gadget mahupun alatan teknologi digital yang lain. Walaupun kajian lepas dilakukan ke atas kanak-kanak, masalah jasmani ini juga boleh berlaku kepada orang dewasa, yakni pelajar pada peringkat pengajian tinggi yang tidak menghadkan penggunaan teknologi digital untuk pelbagai perkara. Cabaran dari segi jasmani ini perlu dilihat dengan lebih teliti dan dipantau sejak dari awal, terutama dari peringkat kanak-kanak lagi. Namun begitu, bagi peringkat pengajian tinggi, yang terlibat ialah golongan pelajar yang sukar dikawal melalui pemantauan memandangkan keberadaan mereka tidak lagi dipanyungi oleh ibu bapa mahupun pendidik secara total.

Di samping kebaikan yang banyak yang boleh diperolehi daripada teknologi maklumat, ia juga mendatangkan kemudarat dan keburukan. Ianya merupakan alat yang paling berkesan digunakan untuk menyalurkan maklumat yang salah seperti gambar-gambar lucah dan kotor dan juga mengadakan propaganda, membuat fitnah yang akhirnya boleh merosakkan dan meruntuhkan nilai kemanusiaan pelajar.

Pengaruh teknologi terhadap emosi

Falsafah Pendidikan Pengajian Tinggi Negara Brunei Darussalam melihat emosi individu sebagai satu elemen penting dalam pembentukan insan yang seimbang di dalam negara. Emosi bermaksud keadaan perasaan atau fikiran yang terangsang dan melibatkan perubahan psikologi dan fisiologi pada seseorang. Namun begitu, ledakan era RI 4.0 yang pantas mampu mengganggu emosi masyarakat dari pelbagai peringkat. Kajian-kajian lepas menunjukkan perkaitan antara gangguan emosi dengan penggunaan teknologi tanpa kawalan (Apong, 2018). Kajian mendapati bahawa terdapat korelasi positif yang signifikan antara ketagihan terhadap permainan computer dengan keadaan kesihatan mental dan fizikal dari segi perasaan cemas dan perasaan tidak boleh tidur. Kajian Apong (2018) pula terhadap 359 pelajar mendapati bahawa gangguan emosi boleh berlaku kepada pelajar hanya dengan membayangkan kehilangan akaun media social masing-masing. Ini membuktikan bahawa gangguan emosi pelajar masa kini terjurus kepada imaginasi yang melibatkan perhubungan maya dan kehilangan akaun media social sudah dianggap sebagai suatu perkara berat yang mengganggu emosi secara ketara bagi pelajar masa kini.

Pergantungan pelajar kepada internet sangat tinggi sehingga ada yang menjadi resah gelisah jika tidak mendapat talian internet walaupun hanya beberapa jam sahaja. Penggunaanya yang berlebihan akan meningkatkan kemurungan dan kebimbangan yang akhirnya akan membawa kepada kekecewaan. Virtual realiti yang wujud dalam pembelajaran secara cyberspace mengurangkan pengalaman sebenar yang diperlukan oleh para pelajar kerana ianya telah dikecilkan kepada realiti tiruan, yang terpisah daripada keadaan semula jadi atau pun manusia hidup yang sebenar. Apakah berada dunia maya teknologi lebih penting daripada cara melibatkan diri dengan situasi sebenar

(Noordin dan Dan, 2002). Schwab (2017) mencadangkan bahawa cabaran revolusi industry 4.0 hanya boleh difahami secara bermakna jika kebijaksanaan kolektif minda rakyat, hati dan jiwa digerakkan dengan memupuk dan menggunakan emosi serta inspirasi kontekstual dan menggunakan kecerdasan fizikal. Dalam erti kata lain, pelajar memerlukan kecerdasan emosi yang tinggi yang perlu diterapkan melalui Pendidikan RI 4.0 dan tidak hanya pendedahan kepada teknologi semata-mata.

Pengaruh teknologi terhadap rohani

Kamus mentakrifkan rohani sebagai i.roh; ii.perkara-perkara yang lain daripada kebendaan; iii. Batin, sesuatu yang berkaitan dengan jiwa, dan berlawanan jasmani. Perihal kerohanian atau sifat-sifat rohani, dan kebatinan perlu di perhitungkan setiap penilaian. Rohani dikaitkan dengan keadaan kerohanian individu yang juga mempunyai pengaruh terhadap pembentukan dan ketenangan diri seseorang. Fungsi hati mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan anggota badan, malahan setiap sifat yang lahir pada hati akan terserlah kesannya pada anggota badan. Justeru itu menurut Al-Ghazali (2003) segala tingkah laku sama ada baik atau buruk, penggerak dan pencetusnya adalah hati sedangkan anggota badan hanya melaksanakan arahan terus sebagai pelaksana. Pandangan al-Ghazali ini jelas menunjukkan bahawa untuk mengubah tingkahlaku seseorang dalam konteks jenayah siber, perlulah diubah hatinya terlebih dahulu. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat implikasi dalam penggunaan teknologi yang berlebihan terhadap keadaan rohani para pelajar pengajian tinggi, iaitu penggunaanya yang berlebihan akan meningkatkan kemurungan dan kebimbangan yang akhirnya akan membawa ketidakstabilan rohani individu dengan mengabaikan solat, menjauhi kasih sayang ibubapa, tiada lagi merasai Allah melihat perlakuannya, hilangnya rasa malu dan terjebak dengan ajaran syiah, ajaran liberal dan radikalisme. Di samping beberapa sudut positif, kecanggihan teknologi maklumat ini ternyata menyumbang kepada kesan buruk kepada perkembangan akidah dan akhlak.

Bagi seorang pelajar pada peringkat pengajian tinggi, mempunyai latar belakang rohani yang kuat mampu membantunya dalam perkembangan jati diri yang lebih mantap dan tidak mudah terganggu dengan pengaruh luar yang mendatang. Teknologi boleh dilihat sebagai satu pengaruh luar yang mampu mempengaruhi keadaan kerohanian individu. Bagi mengatasi cabaran bergelut dengan RI 4.0, maka umat Islam perlu bersedia dengan ilmu yang mantap terutamanya dalam ilmu akidah dan akhlak. Dalam ilmu akidah, kepercayaan yang kukuh, tidak boleh bergantung sepenuhnya pada kecanggihan teknologi sehingga menafikan firman Allah SWT tentang kiamat dan konsep tawakal. Di samping itu, umat Islam hendaklah mengimani bahawa Allah SWT sahaja yang Maha Berkuasa terhadap segala sesuatu serta tidak akan terjadi dan berjaya sesuatu perkara selagi tidak Dia tidak mengizinkannya.

Pengaruh teknologi terhadap intelek

Pada masa kini, terdapat pelbagai berita yang kurang menyenangkan di media massa yang melibatkan kekurangan berkaitan kecerdasan intelek dalam masyarakat. Teknologi telah membuka ruangan memudahkan pelajar pada peringkat pengajian tinggi untuk melakukan plagiat dalam menghasilkan tugas masing-masing. Alatan untuk pencarian dan pengurusan maklumat yang terdapat di internet telah membuka ruang yang lebih luas kepada fenomena plagiat, dan terdapat laporan bahawa perilaku-perilaku plagiarisma telah meningkat dalam bidang pendidikan dari tahun ke tahun (Apong,

2018). Ismail (2016) pula menyatakan bahawa perkembangan teknologi menyediakan jalan baharu bagi pelajar untuk melibatkan diri dalam tingkah laku yang tidak jujur memplagiat atau meniru dalam peperiksaan dan didapati bahawa penggunaan teknologi yang meluas juga telah mengakibatkan peningkatan sifat tidak jujur dalam akademik.

Kemunculan individu-individu yang menggunakan ijazah palsu juga dapat dikesan melalui ledakan teknologi pada era RI 4.0 ini, yang digunakan sama ada untuk keperluan social, memohon pengajian ke peringkat lebih tinggi dan sebagainya. Sijil-sijil palsu yang boleh didapati dari dalam talian memudahkan munculnya perilaku yang tidak sihat. Ketidakjujuran akademik merupakan satu isu yang perlu dilihat dengan lebih mendalam dan terperinci dalam Pendidikan tinggi negara. Isu ini melibatkan kecacatan dalam integriti akademik yang akan membawa risiko yang lebih besar kepada negara. Kecanggihan teknologi maklumat di alam siber belum lagi menjanjikan budaya ilmu yang baik, hanya sekadar “bermaklumat” tidak bererti ia seorang yang berilmu, sebaliknya berlaku pelbagai kekeliruan maklumat-maklumat yang bercanggah antara satu dengan yang lain. Ini kerana dari segi epistemologi, maklumat adalah sekadar objek ilmu yang masih mentah dan ia perlu digarap, ditafsir dan dicerna melalui pelbagai proses berfikir termasuk deduksi dan induksi, perbandingan dan pemisalan sehingga ia membawa kesimpulan dan makna yang benar kepada diri seseorang dan akhirnya menjadi ilmu (Al-Attas, 2007).

Sosialisasi pada Era 4.0

Di samping pengaruh teknologi kepada jasmani, emosi, rohani dan intelek, aspek social juga adalah satu aspek yang perlu diteliti dan diberi perhatian dalam memacu Revolusi Industri 4.0 dalam Pendidikan tinggi negara. Didapati masalah social yang berkaitan dengan penggunaan teknologi semakin berleluasa dengan meningkatnya masalah berkaitan pengaruh social dari luar, lahirnya kaki-kaki viral dalam kalangan masyarakat. Akaun-akauan media social palsu muncul bagaikan cendawan tumbuh selepas hujan. Pengguna menggunakan internet sebagai alat untuk menanggung sesuatu pekerjaan, dan penanggungan tersebut dikategorikan sebagai kerap dan boleh memberi kesan buruk terhadap kesihatan fizikal, dan seterusnya meningkatkan kesan negative terhadap kesejahteraan psikologi. Kajian Awang Tarif dan Kurniawan (2022) mendapati bahawa bermain permainan secara dalam talian (secara berlebihan atau ketagihan) mempengaruhi kehidupan pelajar pada peringkat pengajian tinggi, termasuklah dalam kehidupan sebenar. Dalam mana-mana perbincangan mengenai masalah sosial biasanya akan menyenaraikan alam siber sebagai punca kepada kejatuhan moral dan akhlak remaja yang merupakan dalang kepada penularan budaya negatif dalam masyarakat. Doktrin dan ideologi yang dibawa dapat disebar dengan cepat dari kecanggihan teknologi maklumat yang ada seperti internet, facebook, twitter, youtube dan lain-lain. Tanyalah apa sahaja melalui alam siber, dalam sekelip mata semua maklumat berkaitan boleh diperolehi, dalam pelbagai kaedah. Justeru, dunia tanpa sempadan di alam siber dan kesan kepada hidup yang berorientasikan teknologi memberikan impak yang cukup besar dan mencabar dalam kehidupan bermasyarakat.

Kesan teknologi dan peranan ibu bapa dan guru

Pendidikan awal bermula di rumah oleh ibu bapa, dilengkapi dengan pendidikan secara formal di sekolah oleh para guru merupakan gabungan dan kesinambungan yang amat berkesan bagi melahirkan generasi yang berwibawa. Ibu bapa perlu memberikan

bimbingan agama untuk mengukuh dan membentengi jiwa anak-anak, perlunya mengambil berat aktiviti-aktiviti penting generasi Z, kerana dunia alam maya berada dalam tangan mereka. Generasi Z ini, perlu bimbingan terutama penggunaan internet, ibubapa perlu bersikap tegas tetapi lembut dan sabar, secara berhemah mendampingi anak-anak, mengaktifkan perbincangan dan komunikasi yang sihat serta memberikan tunjuk ajar dengan penuh kasih sayang. Institusi keluarga memainkan peranan yang besar dalam menyelesaikan masalah ini. Penerapan nilai-nilai keagamaan dan akhlak yang terpuji dalam diri anak-anak adalah sangat penting supaya mereka terhindar daripada sikap-sikap negative seperti tamak, iri hati, dan hasad dengki. Dengan ilmu kerohanian yang tinggi dalam diri, mereka pasti dapat mengawal nafsu agar tidak melayari laman web yang tidak berguna apatah lagi perkara yang dilarang dalam agamanya. Bagi institusi pendidikan pula, kebergantungan kepada komputer dalam pengajaran tidak seharusnya mengalih perhatian pendidik daripada persoalan ini, walaupun program komputer dikatakan interaktif, namun ia mempunyai fungsi yang berbeza daripada bentuk dan keupayaan interaktif manusia. Ada yang berpendapat, akan tiba masanya komputer akan menggantikan peranan guru. Sepanjang sejarah manusia, guru memainkan peranan yang amat penting dalam membangunkan manusia. Komputer hanya sebagai alat boleh menganalisis, memapar dan membawa maklumat, tetapi tidak mampu untuk memberikan makna sewajarnya kepada maklumat tersebut. Komputer tidak mempunyai emosi yang boleh membangunkan emosi kemanusiaan seseorang pelajar. Malah komputer tidak mampu untuk membina sahsiah dan jati diri seseorang pelajar.

Peranan guru dalam hal ini tidak boleh diganti oleh komputer atau peralatan teknologi yang lain. Perhubungan manusia dalam internet tidak sama dengan perbualan secara berhadapan, juga tidak sama dengan menulis atau membaca surat secara tradisional. Komputer bertindak sebagai pusat saraf yang memilih dan memaparkan maklumat berdasarkan arahan pengguna. Oleh itu, sekiranya cabaran teknologi baharu yang kompleks itu tidak diberi penekanan sewajarnya dalam sistem pendidikan, ia boleh menyebabkan generasi masa hadapan hanyut dalam arus kemodenan tanpa batas dan hilang panduan pegangan agama. Dengan demikian, aspek adab, kerohanian dan percontohan perlu sentiasa diberi perhatian oleh para guru. Peranan guru lebih penting lagi kerana disamping menyampaikan maklumat, meningkatkan keterampilan dan pengalaman diri pelajar, guru juga berperanan membina wawasan dan misi hidup seseorang pelajar, mengangkat martabat diri dari pemerhati umat kepada penggerak umat untuk mencapai keredhaan Allah (Noordin dan Dan, 2002).

Pendekatan Mujahadah al-Nafs

Berhadapan dengan fenomena kecanggihan siber, Pendidikan kerohanian perlu ditingkatkan bagi melawan hawa nafsu. Imam Al-Ghazali (2003) mendefinisikan mujahadah al-Nafs sebagai usaha yang dilakukan secara bersungguh-sungguh bagi melawan nafsu atau menghapuskannya. Kaedahnya dilakukan dengan cara menentang syahwat (Hamjah, 2015; Al-Ghazali, 2003). Ia juga merupakan satu kaedah menghapuskan sifat-sifat mazmumah sehingga Allah melimpahkan hatinya dengan cahaya ilmu. Menurut al-Ghazali faktor dalaman kerohanian adalah lebih berkesan daripada faktor luaran dalam membentuk tingkahlaku seseorang yang menjadi punca kepada masalah manusia iatu hati. Hasil kajian (Hamjah, 2015) mendapati pendekatan mujahadah al-nafs, boleh dilakukan bagi membendung jenayah siber dalam kalangan pelajar atau individu iaitu dengan memberi kesedaran berkaitan dosa mengambil hak

orang lain, membuang sifat cintakan dunia, membuang sifat suka menipu dan membuang sifat dengki dalam diri. Langkah-Langkah Kesedaran (Mujahadah al-Nafs): (1) Pelaku jenayah siber perlu diingatkan tentang dosa mengambil hak orang lain sama ada dilakukan secara hacking, phishing dan sebagainya menerusi computer dan internet. Walaupun orang tidak tahu siapa yang mencuri hak orang lain tersebut kerana wajahnya tidak diketahui tetapi jangan lupa bahawa Allah Maha Mengetahui dan Maha Melihat segala-galanya, (2) Orang yang melakukan jenayah siber perlu diingatkan bahawa dosa mengambil atau merampas hak orang lain tidak akan memberikan ketenangan jiwa dan kebahagiaan sepanjang hayatnya. Dengan kata lain, hakikatnya tidak akan bahagia di dunia dan tidak bahagia di akhirat malah akan disiksa dalam neraka dengan seksaan yang dahsyat. Ini bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW:

Barang siapa yang merampas hak seorang muslim dengan sumpahnya, maka Allah mewajibkan dia masuk neraka dan mengharamkan baginya syurga, maka salah seorang bertanya, “Meskipun sedikit, wahai Rasulullah?” Rasulullah menjawab, Ya, meskipun hanya setangkai kayu sugi (siwak).

(al-Muslim, Kitab al-Iman, Bab 63)

(3) Mengambil hak orang lain ini termasuklah segala aktiviti yang berkaitan dengan jenayah curi maklumat, curi wang, curi harta dan sebagainya. Jenayah curi jenis ini adalah sama dari segi konsepnya dengan jenayah curi yang dilakukan secara biasa. Perbezaannya hanya pada pendekatan sahaja, di mana pencuri di alam siber melakukan aktiviti mencuri menggunakan pendekatan yang tidak nampak (Manap, 2004) Firman Allah dalam surah al-Nisa' (4) ayat 29:

Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya).

Berleluasanya amalan manusia, di akhir zaman yang tidak lagi mempedulikan sumber rezeki yang diperolehi sama ada halal atau haram adalah bertepatan dengan hadis:

Rasulullah SAW: Sungguh akan datang kepada manusia suatu masa, iaitu seseorang tidak lagi peduli dari mana dia mendapatkan harta, dari jalan halal atau haram.

(Hadits riwayat al Bukhari, Kitab al-Buyu': Bab 7)

(4) Menekankan pendidikan anak-anak mengenai wujudnya “musuh” yang paling besar iaitu iblis dan syaitan dan bahaya-bahaya yang akan menimpa sekiranya mereka mengikuti hasutannya sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

Sesungguhnya syaitan itu musuh bagimu maka jadikanlah dia sebagai musuh
(Surah Fatir: 6)

Iblis berkata: Ya Tuhanku, oleh kerana Engkau memutuskan bahawa aku sesat, pasti aku akan menjadikan mereka memandang baik (perbuatan maksiat) di muka bumi, dan pasti akau akan menyesatkan mereka semuanya kecuali hamba-hamba Engkau yang mukhlis di antara mereka.

(*Al-Hijr: 39-40*).

Menghadapi cabaran era IT dalam Revolusi Industri 4.0 Falsafah Pendidikan Tinggi Negara Brunei Darussalam memerlukan benteng dan kekuatan akal budi yang bersandarkan kepada domain ilmu. Menurut Al-Attas (2007), Ilmu ialah ketibaan sesuatu makna, hasil daripada maklumat yang benar ke dalam diri seseorang. Ketibaan makna ke dalam diri memerlukan usaha berfikir yang bersungguh-sungguh berdasarkan maklumat dari fakta yang benar. Ketibaan makna ke dalam diri dimanifestasikan dengan perlakuan beradab. Kehadiran adab menjanjikan wujudnya keadilan dan bersemainya tata hidup yang harmoni. Tujuan ilmu berdasarkan takrif ini bukan untuk memberi kuasa kepada manusia terhadap alamnya tetapi untuk mengenali dan berdamai dengan alam-Nya.

Kesimpulan

Dunia tanpa sempadan di alam siber dan kesan kepada hidup yang berorientasikan teknologi memberikan impak yang cukup besar dan mencabar. Kecanggihn teknologi maklumat pasti membawa kesan yang buruk sekiranya tidak dikawal dan diurus tadbir dengan baik. Di samping beberapa sudut positif, kecanggihan teknologi maklumat ini ternyata menyumbang kepada kesan buruk kepada perkembangan akidah dan akhlak . Bagi individu yang menggunakan akal untuk berfikir dan al-Quran sebagai panduan hidup, pasti akan dapat memilih tindakan yang baik manakala individu yang tidak memanfaatkan akal dan al-Quran akan cenderung untuk melakukan tindakan yang tidak baik termasuklah melakukan jenayah siber.

Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh pengarang.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tiada konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam kajian penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Al-Attas, S.M.N. (2007): Tinjauan ringkas peri ilmu dan pandangan alam. – Penerbit Universiti Sains Malaysia 76p.
- [2] Al-Ghazali, A.H.M. (2003): Majmu'ah rasa'il al-Imam al-Ghazali. – Dar al-Fikr 476p.
- [3] Apong, A.A.B (2018): Melahirkan Generasi Berwawasan Melalui Pendidikan Berteraskan Konsep Melayu Islam Beraja. – UNISSA Press 17p.
- [4] Awang Tarif, M.A., Kurniawan, C.S. (2022): Peranan Jabatan Mufti Kerajaan Dalam Memelihara Syiar Islam Di Negara Brunei Darussalam. – *Al-Shafi'i International Journal of Islamic Contemporary Studies* 1: 54-81.
- [5] Hamjah, S.H. (2015): Pendekatan kaunseling spiritual menurut al-Ghazali. – Dewan Bahasa dan Pustaka 257p.

- [6] Ismail, S.Z. (2016): Aplikasi Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia dalam Membendung Jenayah Syariah di Alam Siber. – Undang-undang Jenayah Syariah di Alam Siber, Selangor: Intiyaz Multimedia & Publications 26p.
- [7] Manap, N.A. (2004): Jenayah berkaitan dengan komputer: Perspektif undang-undang Malaysia. – Dewan Bahasa dan Pustaka 142p.
- [8] Noordin, T.A., Dan, N.A. (2002): Pendidikan dan pembangunan manusia: pendekatan bersepadu. – As-Syabab Media 276p.
- [9] Nordin, N.M., Embi, M.A. (2008): Pengintegrasian ICT dalam pendidikan: penyelidikan, amalan dan aplikasi. – Karisma Publications Sdn Bhd 166p.
- [10] Schwab, K. (2017): The Fouth Industrial Revolution. – Penguin Group 192p.
- [11] Sinnappan, S. (1999): Internet Addiction: An Exploratory Study on Malaysian Internet Users. – Universiti Putra Malaysia 123p.